



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2015

MENGARUSPERDANA LATIHAN KEMAHIRAN
www.dsd.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN LAPORAN TAHUNAN 2015



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Aras 7 - 8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

T : +603 - 8886 5589 F : +603 - 8889 2423

jpk@mohr.gov.my

www.dsd.gov.my

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2015

MENGARUSPERDANA LATIHAN KEMAHIRAN
www.dsd.gov.my

01

Perutusan KPPK

Profil Korporat

- 5 Visi, Misi, Objektif Dan Fungsi JPK
- 5 Piagam Pelanggan Dan Dasar Kualiti JPK
- 7 Pengurusan Tertinggi Dan Fungsi Bahagian
- 13 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

02

Pencapaian Pentauliah dan Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

- 17 Pentauliah Pusat Bertauliah
- 21 Pentauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
- 23 Program Antarabangsa melalui SkillsMalaysia INVITE
- 26 Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

03

Pemeriksaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

- 29 Pembangunan Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis (OA)*)
- 29 Pembangunan *National Occupational Skills Standard (NOSS)*
- 30 *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*
- 36 Artikulasi Program Kemahiran
- 36 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran
- 39 Penarafan Bintang
- 40 Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran
- 41 Program Pemeriksaan Pentauliah dan Persijilan Kemahiran Malaysia

04

Pertandingan Kemahiran

- 51 *World Skills Malaysia Belia (WSMB) 2015*
- 55 *Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2015*
- 57 *World Skills Competition (WSC) 2015*

05

Kolaborasi Strategik

- 65 *Industry Lead Body (ILB)*
- 66 *SkillsMalaysia Partnership (SMP)*
- 68 *Jalinan Kerjasama Dengan Industri*

06

Pemeriksaan Personel Kemahiran

- 75 *Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)*
- 75 *Latihan Kemahiran Dalam Perkhidmatan*
- 78 *Pembangunan Fasilitator*
- 79 *Pengurusan Personel Lantikan*
- 81 *Bengkel Pemantapan Dan Penilaian Pembaharuan PPL 2015*
- 81 *Program Antarabangsa*

07

Pengurusan Sumber Manusia Dan Kewangan

- 87 *Perjawatan*
- 87 *Latihan Kakitangan*
- 87 *HRMIS*
- 88 *Kenaikan pangkat*
- 88 *Pengurniaan Darjah Kebesaran*
- 89 *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)*
- 91 *Dalam Kenangan*
- 92 *Pengurusan Kewangan*

08

Program Outreach

- 95 *Program Outreach Jabatan*
- 99 *Majlis Konvokesyen*
- 101 *Roadshow Dan Pameran MySkills*
- 103 *Program Outreach Pejabat Wilayah*

09

Sorotan 2015

- 113 *Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) 2015*
- 113 *Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Kepada Kontinjen WSC 2015*
- 113 *Organising Committee Meeting (OCM)*
- 114 *Pentauliah Induk Majlis Amanah Rakyat (MARA)*
- 114 *Sambutan Hari Pekerja 2015*
- 115 *PUSPANITA*
- 116 *Sambutan Ketibaan Kontinjen WSC 2015*

10

Penerbitan buku, artikel dan penyiaran

- 119 *Iklan, Terbitan Dan Lain-lain*

PENERBIT:

Pn. Hjh Norizan Mohd Shahbaki

KETUA EDITOR;

En. Mohd Sukri b. Ismail

EDITOR:

Pn. Noriswati bt. Ab. Rahim

Pn. Norlida bt. Musa

Pn. Nor Asmah Binti Daud

PENGARANG:

Pn. Maziah Binti Borhan (BK'S)

En. Raghu a/l Thiyagarajan (NOSS)

Cik Harlinda bt. Helman (P&L&P)

Cik Airin bt. Jalani (SLDN)

Pn. Suliyana bt. Saraman (P&MO)

En. Mohd Sipulizan b. Harun (K&P&M)

Cik Shiadri bt. Aman (P&L&S)

Pn. Lili Munira bt. Mat Yusuf (MOSQ)

Pn. Fatimazuraida Bt. Abd Rahman (CIASI)

Pn. Zalina bt. Abdul Rahman (Wilayah Selatan)

Pn. Norisah bt. Mohd Khalifah (Wilayah Tengah)

En. Mohd Azha b. Mohamad Salleh (Wilayah Utara)

En. Mad Zufri b. Ismail (Wilayah Timur)

En. Grenson Anak Philip Angkok (Wilayah Sabah)

En. Nicholas Anak Bali (Wilayah Sarawak)

Pn. Zaidah bt. Rakon (PUSPANITA)

URUSETIA;

Pn. Mariyam Jameelah bt. Bahari

Pn. Roziyati bt. Abdullah



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

DATUK DR. PANG CHAU LEONG



Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Jabatan Pembangunan Kemahiran (PK) telah berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Jabatan sepanjang tahun 2015 dengan penuh komitmen. Catatan kejayaan dan kecemerlangan Jabatan ini dirakamkan melalui penerbitan Buku Laporan Tahunan 2015 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta detik-detik kegemilangan dapat dikongsi bersama.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada sidang redaksi dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan ini.

Sebagai agensi peneraju latihan kemahiran di negara ini, pelbagai perancangan, inisiatif dan juga aktiviti telah Jabatan atur dan laksanakan dalam usaha untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran di Malaysia. Bagi melahirkan sumber manusia berkemahiran yang berdaya saing di peringkat nasional dan global, Jabatan telah menghasilkan sejumlah 69 *National Occupational Skills Standard* (NOSS) sepanjang tahun 2015 daripada pelbagai sektor kemahiran menjadikan jumlah keseluruhan NOSS yang masih berkuatkuasa adalah sebanyak 1,675 NOSS. Manakala sejumlah 1,056 syarikat telah terlibat dalam program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang melibatkan seramai 9,864 orang perantis. Pada tahun 2015, sejumlah 102,730 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) telah dikeluarkan meliputi Tahap 1 sehingga Tahap 5. NOSS yang menjadi denyut nadi kepada Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia telah membolehkan sejumlah 6,045 program latihan kemahiran ditawarkan di 1,450 Pusat Bertauliah awam dan swasta.

Tahun 2015 juga mencatatkan kejayaan yang sangat manis untuk jabatan dan negara secara keseluruhannya. Setelah 22 tahun negara melibatkan diri dalam *World Skills Competition* (WSC), akhirnya ruyung telah dipecahkan. Airul Firham Bin Che Amran daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak telah berjaya meraih pingat gangsa, pingat pertama negara di WSC Sao Paulo, Brazil dalam bidang *Hair Dressing* dan seterusnya tersenarai dalam *Malaysia Book of Records*.

Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang dari semangat yang tidak pernah pudar. Semoga kejayaan yang dikecapi ini akan menjadi pemangkin untuk kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga Jabatan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat ini. Orang yang bijak bukanlah orang yang pandai berkata-kata, tetapi orang yang mampu membuktikan semua perkataannya. Syabas dan tahniah semua warga JPK.

“Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi”

Sekian
KPPK
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

BAB

01

PROFIL KORPORAT

MISI . VISI . OBJEKTIF

VISI

Peneraju dalam pembangunan sumber manusia mahir bertaraf dunia

MISI

Membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan (K-Pekerja) dan berdaya saing

OBJEKTIF

Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan

Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti

FUNGSI

- menilai **KEPERLUAN LATIHAN**
- melaksanakan sistem **PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**
- mempromosi sistem **LATIHAN KEMAHIRAN**
- membantu meningkatkan **KEUPAYAAN KEMAHIRAN INDIVIDU**
- menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan **LATIHAN KEMAHIRAN**; dan
- membangun, melulus dan menyemak **STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)**

PIAGAM PELANGGAN

Membangunkan sumber manusia mahir dan berkualiti melalui pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap pembangunan NOSS dalam tempoh enam (6) bulan bagi setiap NOSS

Industri negara melalui pentauliahan program latihan kemahiran di Pusat Bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

DASAR KUALITI JABATAN



Kualiti adalah pegangan dan amalan JPK. Penghasilan *output* yang cemerlang, berlandaskan penambahbaikan berterusan menjadikan teras budaya kerja ke arah pencapaian tahap MS ISO 9001:2008



Melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui program persijilan kemahiran Malaysia, mempromosi latihan kemahiran dan kerjaya, membantu dalam meningkatkan keupayaan kemahiran individu dan membimbing pembelajaran dan penyelidikan berkenaan latihan kemahiran untuk memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi matlamat JPK

MS ISO 9001 : 2008

Telah dipersijilkan oleh Lloyd's Register untuk MS ISO 9001:2008 untuk 2 skop teras iaitu Pentauliahan Pusat Bertauliah dan Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)



MS ISO/IEC 17024 BAGI SKOP : UJIAN TANPA MUSNAH (NDT)

Pada 11 Disember 2015, JPK telah diakredit sebagai Badan Persijilan Personel (Skop: Ujian Tanpa Musnah) yang diberikan oleh Standard Malaysia (Ruj Akreditasi : PS03102012 CB02) pembaharuan untuk kali kedua bagi tempoh sah sehingga 2 Oktober 2018.



PENGURUSAN TERTINGGI 2015



DATUK DR. PANG CHAU LEONG
Ketua Pengarah



EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

- Menguruskan sumber fizikal dan kewangan Jabatan
- Mengurus pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS).
- Mengurus pelaksanaan jaminan mutu Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- Memastikan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dipatuhi oleh Pusat Bertauliah.



EN. SUIMI BIN ABDUL MAJID
Pengarah CIAT

- PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN CIAT**
- Merancang dan mengurus program latihan pengajar kemahiran (*pre-service* dan *in-service*)
 - Merancang dan mengurus kursus modular, *customised* di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
 - Mengurus pentauliahan tenaga pengajar & pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
 - Mengurus sumber fizikal dan kewangan CIAT.



DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan)

- Menguruskan perkara berkaitan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Merancang dan menyelaras aktiviti pembangunan sumber manusia mahir bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)
- Mengurus dan menyekaras aktiviti di bawah Badan Peneraju Industri (ILB)
- Memantau pelaksanaan SPKM di peringkat negeri/Wilayah



DR. MOHAMAD BIN SULAIMAN
Pegarah PMO

BAHAGIAN PEJABAT PEMANTAUAN PROJEK

- Mengurus dan mempromosikan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk WSMB, WSMP, MySkills, ASC dan WSC
- Menyelaras aktiviti NKEA Education (EPP5)
- Mengantarabangsakan SPKM melalui SkillsMalaysia INVITE
- Mempromosi latihan kemahiran di Malaysia



EN. MOHAMAD BIN YAACOB
Pegarah SLDN

BAHAGIAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL

- Menyelaras dan menguruskan pelaksanaan SLDN
- Mengawal selia jaminan kualiti SLDN Mempromosikan SLDN di peringkat kebangsaan
- Menyelaras dan mengurus personel SLDN



DR. MOHD YUSOFF BIN ABU BAKAR
Pegarah BKS

BAHAGIAN KERJASAMA STRATEGIK

- Mengurus dan menyelaras pelantikan dan aktiviti Badan Peneraju Industri (ILB).
- Mengurus dan menyelaras Memorandum Persefahaman (MOU) dan Kenyataan Bersama di antara Jabatan dan Organisasi Luar.
- Mengeratkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa dalam usaha memartabatkan latihan kemahiran.
- Menjalin kerjasama dengan industri untuk memperolehi informasi keperluan pekerja mahir.
- Menyelaras dan mempromosi laluan artikulasi bagi graduan Persijilan Kemahiran Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



EN. OMAR BIN JUSOH
Pegarah NOSS

BAHAGIAN NOSS

- Mengurus dan membangun National Occupational Skills Standard (NOSS).
- Mengurus dan menyelaras pembangunan kurikulum latihan kemahiran pusat bertauliah dan Sistem latihan Dual Nasional (SLDN)
- Mengurus pembangunan soalan latihan kemahiran bagi pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).



EN. KAMALUDIN BIN TOMIRAN
Pegarah P&KS

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWAL SELIA

- Memastikan dasar dan peruntukan perundangan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dan peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.
- Memberi khidmat nasihat bimbingan dan konsultasi kepada pelanggan.
- Mengurus dan menyelia pertanyaan, cadangan dan aduan awam.



PN. ZULEAH BTE DARSONG
Pegarah MOSQ

BAHAGIAN KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA

- Mentauliah pusat latihan yang ingin menjalankan program latihan kemahiran berdasarkan NOSS.
- Mengurus kawalan jaminan mutu sistem pentauliah di pusat bertauliah
- Mengurus dan mengendalikan ujian kemahiran kebangsaan bagi program Ujian Tanpa Musnah (Non-Destructive Testing-NDT)
- Mengiktiraf kekompetenan pekerja mahir melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)
- Menjalankan usaha-usaha kearah pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)



PN. SAPINAH BTE YUSOFF
Pengarah KPSM

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
& SUMBER MANUSIA**

- Mengurus hal ehwal sumber manusia jabatan
- Mengurus sumber fizikal jabatan
- Mengurus kewangan dan akaun jabatan



PN. NORIZAN BTE MOHD SHAHBAKI
Pengarah P,P&P

**BAHAGIAN PERANCANGAN,
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

- Merancang dan menyelaras aktiviti pembangunan sumber manusia mahir bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)
- Merancang keperluan dan strategi pelaksanaan Latihan Kemahiran Kebangsaan.
- Mengkaji dan menganalisis keperluan pekerjaan sektor ekonomi industri utama
- Mengenalpasti dan menyelaras tindakan terhadap isu-isu dalam latihan kemahiran



TUAN HAJI ZAID BIN MAT SAN
Pengarah Wilayah Sarawak



PN. WAN FADZILAH BTE WAN DAGANG
Pengarah Wilayah Tmur



EN. MUHD AZMI BIN PELAH
Pengarah Wilayah Sabah



EN. SHAMSUDIN BIN JAMIL
Pengarah Wilayah Tengah



EN. UZIN BIN ALI
Pengarah Wilayah Selatan



PN. MEENA A/P RAMALINGAM
Pengarah Wilayah Utara

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

- Mengurus dan menyelaras pelaksanaan SPKM di peringkat negeri/wilayah
- Manjalankan aktiviti promosi bagi meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap SPKM
- Menjalinkan kejasama erat dengan industri dan agensi di peringkat wilayah

MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

MPKK ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan fungsinya:

01

Meluluskan Standard

02

Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini

03

Menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Menteri

04

Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini

Bagi memperkasakan peranan MPKK dalam pembangunan kemahiran, tiga (3) Jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:

(a) Jawatankuasa Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan Kemahiran (JPPKK)

Bertanggungjawab terhadap permohonan bagi penilaian penyeteraan program Persijilan Kemahiran Malaysia dengan kelayakan kemahiran lain yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia (kecuali bagi program atau kelayakan yang dikeluarkan oleh badan professional seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga dan lain-lain).

(b) Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)

Bertanggungjawab mengesah dan memperaku Standard yang telah dibangunkan selaras dengan keperluan industri negara untuk kelulusan Majlis.

(c) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

Menasihati dan membuat cadangan kepada MPKK ke atas permohonan pengiktirafan mana-mana kelayakan kemahiran di dalam dan di luar Malaysia sebagai setaraf dengan Sijil yang dianugerahkan seperti berikut:

- 1) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3)
- 2) Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan
- 3) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

Senarai Ahli Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) 2015

1.	YBhg. Dato' Saripuddin Kasim	Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (Pengerusi)
2.	YBhg. Dato' Romli bin Haji Hassan	Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, KSM (Operasi)
3.	YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong	Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
4.	Tn. Hj. Mohd Ghaus bin Ab Kadir	Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
5.	YBhg. Dato' Mohd. Tajudin bin Don	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
6.	YBrs. Dr. Mohd Gazali bin Abas	Unit Perancang Ekonomi (UPE)
7.	Tn. Hj. Zainuddin bin Yahaya	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
8.	YBhg. Dato Ahmad Tajudin bin Jab	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
9.	Tn. Hj. Mohamed Roseli Bin Dol	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
10.	En. Wan Ahmad Uzir Bin Wan Sulaiman	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)
11.	YBhg. Dato' Ir. Rohaizi bin Mohd Jusoh	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
12.	En. Alexander Stedtfeld	Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC)
13.	En. Sailanatan a/l Podian	Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC)
14.	En. Davies Danavaindran	Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
15.	YBhg. Datu Haji Abang Helmi Tan Sri Ikhwan	Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS)
16.	YBhg. Datuk Seri Panglima Wong Khen Thau	Federation of Sabah Industries (FSI)
17.	En. Mohd Jafar bin Abd Majid	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
18.	Pn. Sarojini Ruth Rajahser	National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia (NAWEM)
19.	YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred	The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM)
20.	YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw	AER Head Commissioner
21.	YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan	Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
22.	Pn. Hjh. Ruminah binti Muhammad Zain	Setiausaha Majlis, (JPK)

BAB

02




**PENCAPAIAN PERTAULIAHAN DAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
(SKPM)**

2.1 PENTAULIAHAN PUSAT BERTAULIAH


BILANGAN PUSAT BERTAULIAH DAN PROGRAM YANG DITAULIAH DARIPADA TAHUN 2010 SEHINGGA 2015



STATISTIK PUSAT BERTAULIAH PADA TAHUN 2015



STATISTIK PROGRAM YANG DITAULIAH PADA TAHUN 2015



TABURAN PUSAT BERTAULIAH DAN PROGRAM YANG DITAULIAHKAN MENGIKUT NEGERI



2.2 PENTAULIAHAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

SLDN mula diperkenalkan pada tahun 2005 iaitu pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMKe-8). Program ini diteruskan sepanjang tempoh RMKe-9 (2006 sehingga 2010). Dalam RMKe-10 (2011 sehingga 2015), program ini diperluaskan kepada Program Khas, *In-House Training*, Insentif, Peningkatan Tahap dan 1MASTER Dual-NDTS. Jadual 2.0 menunjukkan pencapaian program SLDN sehingga tahun 2015.

Jadual 2.1 : Pencapaian program SLDN sehingga tahun 2015.

Nama Program	Tahun Dipekenalkan	Golongan Sasar	Jenis Pensijilan	Jumlah Perantis Sehingga Tahun 2015
Program SLDN Biasa	2005	Lepasan SPM dan/atau pekerja yang sedang bekerja yang telah dipilih dan digaji oleh pihak syarikat.	SKM	36,100
Program Khas	2011	Pelajar yang tidak menamatkan 11 tahun persekolahan (Pelajar tercicir)	SKM 1 & 2	15,537
In-House Training	2011	Pekerja sedia ada dan bakal pekerja yang menjalani latihan sepenuhnya di tempat kerja	SKM 3,4,5	15,611
Program Insentif	2012	Terbuka kepada lepasan sekolah, pekerja sedia ataupun graduan menganggur yang berminat untuk menjalani latihan kemahiran	SKM 1-3	2,815
Peningkatan Tahap	2013	Perantis yang telah memperolehi SKM 2 untuk meningkatkan tahap kemahiran kepada tahap lebih tinggi iaitu SKM 3 & DKM	SKM 3 & 4	2,803
1MASTER Dual-NDTS	2014	Pekerja sedia ada	Penyata Capaian (PC)	75,792

Jadual 2.2 : Unjuran Dan Pencapaian Program SLDN

Tahun	Bilangan Penyertaan Syarikat		Bilangan Penyertaan Perantis	
	Unjuran	Pencapaian	Unjuran	Pencapaian
2015	194	1,056	5,500	9,864
2014	194	1,083	5,500	11,271
2013	194	1,034	5,500	13,616
2012	165	249	4,700	6,127
2011	220	353	6,300	6,947

Jadual 2.3 : Jumlah Penyertaan Perantis Dan Syarikat Program SLDN Sehingga Tahun 2015

Tahun	Biasa		In-House Training		Khas		Dengan Insentif		Peningkatan Tahap	
	Perantis	Syarikat	Perantis	Syarikat	Perantis	Syarikat	Perantis	Syarikat	Perantis	Syarikat
2005	70	4								
2006	163	3								
2007	1878	36								
2008	5912	297								
2009	15705	642								
2010	1293	46								
2011	1117	91	574	9	5256	253				
2012	1661	138	3487	56	0	0	979	55		
2013	2369	257	4627	361	4953	276	812	61	875	79
2014	3186	279	4148	430	2627	236	498	39	812	99
2015	2,746	265	2,775	376	2,701	250	526	58	1,116	107



Carta 2.1 : Penyertaan Dalam Program SLDN Tahun 2015


Jadual 2.4 : Penyertaan Syarikat Dalam SLDN Mengikut Kategori

Syarikat SLDN	Bilangan Pusat Bertauliah (PB) SLDN				
	Tahun 2015	Jumlah Terkumpul	Pusat Latihan	Tahun 2015	Jumlah Terkumpul
GLC	10	153	Awam	33	292
MNC	74	920	Swasta	98	2,176
SME	235	3,493			
Agensi Kerajaan	11	142			
Persatuan/Pertubuhan	11	21			
Jumlah		4,729	Jumlah		2,468

2.3 PROGRAM ANTARABANGSA MELALUI SkillsMalaysia INVITE

Jadual 2.5 : Pencapaian program Antarabangsa SPKM 2011-2015

Tahun	Sasaran Pelajar	Pencapaian Pelajar
2011	1,000	1,043
2012	2,400	1,746
2013	3,800	2,482
2014	5,200	3,837
2015	7,000	5,042



Carta 2.2 : Bilangan Pusat Bertauliah bagi pengambilan pelajar antarabangsa daripada tahun 2010 sehingga 2015



Jadual 2.6 : Statistik PB dan Pelajar Antarabangsa

No.	Penyertaan Syarikat	Bilangan pelajar				Jumlah
		Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	
0		78	355	0	433	
1	Akademi Kemahiran Minda Isbauk	0	433	0	0	433
2	Pusat Latihan Kemahiran Victoria International College	0	203	1	0	204
3	Butter & Olive College Of Baking And Culinary Arts	0	0	200	0	200
4	South East Asia Academy	3	110	28	1	142
5	SG Akademi	0	103	30	0	133
6	Miraj Academy	0	20	89	14	123
7	RQC Management	0	91	0	0	91
8	Spectrum Institute Of Applied Technologies	0	90	0	0	90
9	Akademi Antarabangsa CLIPSO	0	59	22	0	81
10	Premier Institut	0	78	0	0	78
11	International Skills College	0	62	1	0	63
12	Berjaya Higher Education	48	4	0	0	52
13	International Fashion Training Centre	0	31	32	0	63
14	ASEAN Culinary Academy	0	62	0	0	62
15	Akademi Kemahiran KLCC	0	0	50	0	50
16	Kolej APIIC Academy	0	45	0	0	45
17	City Advance Skill Academy	0	33	0	0	33
18	Sunway Int. Business Management	0	30	0	0	30
19	Stradford College	0	24	0	0	24
20	Kolej Sal	0	7	13	0	20
21	Institut Pengajian Global	0	17	0	0	17
22	Sunrise	3	10	0	0	13
23	Marrie Fashion Academy	0	9	0	0	9
24	SMI Training Centre Serdang	0	1	8	0	9
25	BJ International Training College	0	1	5	0	6
26	T&G Academy	0	0	3	2	5
27	Pusat Latihan Teknikal Meatech	0	4	0	0	4
28	Crew Skills International	0	4	0	0	4
29	Kolej Otomotif TOC	0	3	0	0	3
30	Kimarie Hair & Beauty Training Centre	0	3	0	0	3
31	Silver Spoon International College	0	3	0	0	3
32	A Cut Above Studio And Academy	0	0	3	0	3
33	Beaubelle Aesthetics Academy	0	2	0	0	2
34	TMC Aesthetic Academy	0	1	1	0	2
35	Institut Teknologi Riam	0	0	2	0	2
36	AMS Academy	0	1	0	0	1
37	Stella In	0	1	0	0	1
38	Gloria Beauty Training Academy	0	0	1	0	1
39	Malaysian Hospitality College	0	1	0	0	1
40	Kolej CQ Breyer	54	1624	844	17	2539
Jumlah Keseluruhan		54	1624	844	17	2539

Jadual 2.7 : Statistik Program Antarabangsa

Bil.	Program	Bil. Pelajar
1	Penyediaan Dan Pembuatan Makanan	668
2	Juruteknik Sistem Komputer	533
3	Pramusaji & Kaptan Makanan Dan Minuman	360
4	Office Administration Supervision	143
5	Juruteknik Rangkaian Komputer	125
6	Pastry Production	99
7	Hairdressing	95
8	Pengamal Penyelenggaraan & Pemasangan Solar	91
9	Perkhidmatan Estetik	85
10	Pembuatan Pastrri	76
11	Pembuat Pakaian Wanita	65
12	Pemasangan Elektrik	54
13	Operasi Khidmat Tetamu	51
14	Executive Secretaryship	30
15	Perkhidmatan Sokongan Kejuruteraan Automasi Industri	30
16	Automotive After Sales Servicing	9
17	Operasi Pengemasan	8
18	Junior Hairdresser	7
19	Penyedia Makanan	3
20	Artis Multimedia - Visual	3
21	Aircraft Technician	2
22	Pembangunan Kandungan Kreatif	1
23	Aromaterapi	1
JUMLAH		2539

2.4 PENSIJILAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)

Jadual 2.8 : Statistik Pengeluaran Sijil Mengikut Tahap Dan Kaedah Pensijilan 2015

PENGELUARAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA 2015										
Tahap	Kaedah								Jumlah Pengeluaran Sijil Tahun 2015	
	Pentauliahan Pusat Bertauliah		Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)		Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)		Non Destructive Testing (NDT)			
	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC
1	18,455	87	819	3	2,598	75	90	-	21,962	165
2	32,697	11	2,132	36	3,870	-	58	-	38,757	47
3	25,557	272	6,850	183	1,941	18	23	-	34,371	473
4	5,230	-	1,007	-	50	-	-	-	6,287	-
5	90	-	578	-	-	-	-	-	668	-
Jumlah	82,029	370	11,386	222	8,459	93	-	-	102,045	685
Jumlah Keseluruhan	82,399		11,608		8,552		171		102,730	



Carta 2.3 : Pengeluaran Sijil Mengikut Kaedah Pensijilan Daripada 2010 Hingga 2015

BAB


03



**PEMERKASAAN SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA**

3.1 PEMBANGUNAN DOKUMEN ANALISA PERKERJAAN (OA)


Analisa Pekerjaan ataupun lebih dikenali sebagai *Occupational Analysis* (OA) merupakan satu proses untuk mengenalpasti struktur pekerjaan sesuatu industri yang digunakan untuk menganalisa keperluan sumber manusia mahir di industri tersebut.



Carta 3.1 : Statistik pembangunan OA pada tahun 2015


3.2 PEMBANGUNAN NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) adalah elemen penting untuk mempersiapkan tenaga mahir di Malaysia dan seterusnya memastikan hasrat untuk memiliki sekurang-kurangnya 35% tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020 tercapai. Pada tahun 2015, sebanyak 69 NOSS telah diluluskan sepanjang 3 siri mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) dijalankan.



Carta 3.2 : Statistik pembangunan NOSS pada tahun 2015

Statistik Pembangunan NOSS



Carta 3.3 : Statistik pembangunan NOSS dari tahun 1991 hingga 2015

3.3 NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)

NBOS merupakan inisiatif kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui pendekatan yang cepat dan berimpak tinggi pada kos yang rendah dengan mengoptimumkan sumber sedia ada melalui program-program berikut :

- 1.1 Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre - RTC*);
- 1.2 Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M);
- 1.3 *1Malaysia Skills & Enhancement For The Rakyat* (1MASTER); dan
- 1.4 *Survivor Skills For Women* (SS4W).

3.3.1 Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre - RTC)



PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR

“ Program ini bertujuan untuk memberi peluang latihan kepada masyarakat luar bandar bagi meningkatkan pendapatan, peluang pekerjaan dan taraf hidup.

”

RTC	Bilangan Pusat Bertauliah	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
RTC Kelantan	2	2	40
RTC Pahang	3	3	57
RTC Sarawak	2	2	38
Jumlah	7	7	135

Jadual 3.1 : Bilangan pusat bertauliah, kursus dan peserta latihan kemahiran jangka pendek di sekitar RTC bagi tahun 2015



Kursus latihan kemahiran jangka pendek di sekitar RTC Kelantan



Kursus latihan kemahiran jangka pendek di sekitar RTC Pahang



Kursus latihan kemahiran jangka pendek di sekitar RTC Sarawak



3.3.2 Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M)



Program Skim Kemahiran Dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) lebih memfokuskan kepada **pelatih lepasan institusi latihan kemahiran yang tidak mendapat kerja setelah tamat latihan**. Menerusi program SKK1M, para peserta akan diberikan latihan selama 1 hingga 2 bulan di syarikat-syarikat dengan elaun bulanan sebanyak RM500 dan akan diserap sebagai pekerja syarikat setelah tamat latihan.



Kementerian	Institusi Latihan Kemahiran	Bilangan Peserta
Kementerian Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> Institut Latihan Perindustrian Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) 	600
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan 	150
Kementerian Belia dan Sukan	<ul style="list-style-type: none"> Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Institut Kemahiran Belia Negara 	500
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Majlis Amanah Rakyat)	<ul style="list-style-type: none"> Institut Kemahiran MARA Kolej Kemahiran Tinggi MARA GiatMARA UniKL 	500 1,000 100
Kementerian Pertahanan (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera)	<ul style="list-style-type: none"> Institut PERHEBAT 	140
Kementerian Pendidikan Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> Kolej Komuniti Politeknik 	300 500
Kementerian Kerja Raya	<ul style="list-style-type: none"> CIDB (Akademi Binaan Malaysia) 	320
	Jumlah	4,110

Jadual 3.2 : Pencapaian SKK1M mengikut kementerian bagi tahun 2015

1 MASTER

“

Projek NBOS - 1 MASTER adalah berkonsepkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di mana program ini memberi peluang kepada belia yang menganggur untuk mendapat pekerjaan dengan fokus pelaksanaan secara skills upgrading dan skills updating. Program ini dahulunya hanya dijalankan di Wilayah Pembangunan Iskandar Johor sahaja pada tahun 2014, namun kini telah diperluaskan ke Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

”

Jadual 3.3 : Pencapaian 1MASTER mengikut kementerian

Kementerian	Agensi	Strategi 1: <i>Incorporate 1MASTER Modules In Existing TEVT Programs</i>	Strategi 4: <i>"1MASTER Mobile Advisors" To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity</i>
		Bilangan Peserta	Bilangan Lawatan
Kementerian Sumber Manusia	Jabatan Pembangunan Kemahiran	9,935	1,288
	Jabatan Tenaga Manusia	41,397	465
	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	3,884	239
	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	3,183	719
Kementerian Belia dan Sukan	Institut Kemahiran Belia Negara	5,644	292
Kementerian Pendidikan Tinggi	Kolej Komuniti	5,306	93
	Politeknik	518	315
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Majlis Amanah Rakyat)	Majlis Amanah Rakyat	1,981	48
	GiatMARA	1,589	966
Jumlah		73,437	4,425



“

Program Survivor Skills for Women (SS4W) adalah berasaskan kepada Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

”

TUJUAN :	KUMPULAN SASAR :	CALON YANG LAYAK :
<ul style="list-style-type: none"> ● Mempersijilkan golongan wanita khusus kepada suri rumah berdasarkan kemahiran yang dimiliki dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). ● Membolehkan golongan wanita tersebut menceburi sektor pekerjaan (sepenuh atau separuh masa) mahupun bidang perniagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Wanita yang menguruskan rumah tangga sepenuh masa atau separuh masa; ● Memiliki kemahiran dan pengalaman dalam bidang berkaitan; ● Tidak mempunyai pendapatan tetap ● Warganegara Malaysia; dan ● Umur 17 tahun dan ke atas. 	<ul style="list-style-type: none"> ● SKM/DKM/DLKM bagi program yang dipohon sekiranya terampil kesemua unit kompetensi dalam NOSS dan lulus kesemua komponen penilaian; atau ● Penyata Pencapaian (PC) sekiranya calon terampil sebahagian kompetensi yang digariskan di dalam NOSS.

Jadual 3.4 : Pencapaian SS4W bagi tahun 2015

Bil.	Sektor Pekerjaan	Bil. Calon Mendaftar	Bil. Calon Dipersijil
1	Perubatan & Farmaseutikal	158	140
2	Tekstil & Pakaian	114	111
3	Hospitaliti & Pelancongan	132	107
4	Penjagaan & Perkhidmatan Komuniti	42	34
5	Pengurusan Bisnes	27	22
6	Pertahanan & Perkhidmatan Keselamatan	16	14
7	Perniagaan Secara Distributif	4	4
8	Pengangkutan	4	2
9	Seni & Kebudayaan	1	1
10	Pertanian & Asas Tani	2	1
11	Percetakan	1	1
Jumlah		501	437



Taklimat Pelaksanaan PPT Program SS4W kepada golongan suri rumah



Promosi Program SS4W sempena National Blue Ocean Strategy (NBOS) Day di Kuala Lumpur Convention Centre pada 23 & 24 Mei 2015




Promosi Program SS4W sempena Majlis Pelancaran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada 25 Ogos 2015



Promosi Program SS4W sempena Program NBOS JPA Outreach di MIEC Langkawi pada 5 & 6 Disember 2015

3.4 ARTIKULASI PROGRAM KEMAHIRAN

Bilangan Graduan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Tiga (3) Melanjutkan Pengajian Ke Diploma Politeknik



3.5 KAJIAN PEMBANGUNAN LATIHAN KEMAHIRAN

3.5.1 Dapatan Kajian Analisis Gaji Mengikut Bidang dan Lokasi dalam Sektor Pembuatan



Carta 3.4 : Jawatan yang ditawarkan gaji maksimum tertinggi mengikut bidang



Carta 3.5 : Jawatan yang ditawarkan gaji permulaan tertinggi mengikut bidang

Jadual 3.5: Purata gaji tertinggi mengikut jawatan dan lokasi

Lokasi	Permulaan		Maksimum	
	Jawatan	Gaji	Jawatan	Gaji
Tengah	Senior Salesman	2493	Senior Salesman	4309
Selatan	Senior Salesman	2667	Chargeman (High pressure)	3771
Utara	Chargeman (High pressure)	2595	Chargeman (High pressure)	4113
Timur	Production Supervisor	3000	Chargeman (Medium pressure)	6000
Sabah/Sarawak	Senior Salesman	2925	Senior Salesman	3900

3.5.2 Dapatan Kajian Permintaan dan Penawaran Pekerja Mahir di Koridor Iskandar Malaysia (IM)

Jadual 3.6 : Unjuran perbandingan di antara data Price Water Consortium (PWC) dan penawaran persijilan JPK sehingga tahun 2020

SEKTOR	BIDANG PEKERJAAN	ANALISA JURANG PWC	PENAWARAN PERSIJILAN JPK
KREATIF – FILEM DAN TV	Pengarah Filem dan TV	-64	158
	Editor Filem dan TV	102	158
	Pakar Rekaan Kostum dan Penyediaan Pakaian	-162	158
	Pelakon	286	Tiada NOSS ditawarkan
	Krew Penggambaran	245	39
	Editor Kesan Khas	141	2,027
	Penyeliaan Set Binaan	70	158
PELANCONGAN-TAMAN TEMA DAN PUSAT HIBURAN KELUARGA	Artis Persembahan Kreatif (Creative Performing Artists)	-72	Tiada NOSS ditawarkan
	Kaunter Hadapan (Frontliners)	304	4,697
	Penyelenggaraan (Mekanik Jentera dan Pembaikan)	-73	7,418
MINYAK DAN GAS - MIDSREAM	Jurutera	326	Kelayakan Ijazah Sarjana Muda
	Pegawai Kualiti dan Keselamatan	32	528
	Juruteknik	1,704	456
PENJAGAAN KESIHATAN – PERKHIDMATAN PERUBATAN PAKAR	Pakar Perubatan	555	Sektor Penjagaan Kesihatan tidak dibincangkan kerana bidang latihan di dalam sektor ini tertakluk di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
	Post Basic Nurse	8,085	



3.6 PENARAFAN BINTANG


Penarafan Bintang Program Bertauliah diadakan untuk memberi penarafan ke atas program-program yang dijalankan di Pusat Bertauliah (PB) di bawah JPK.

Sesi taklimat kepada PB yang layak telah dijalankan di enam (6) zon melibatkan 7 sesi termasuk Sabah dan Sarawak Sebanyak 414 PB telah membuat penilaian sendiri secara atas talian yang melibatkan 2078 program bertauliah dan keputusannya adalah seperti di carta 3.

“

414 PB telah membuat penilaian sendiri secara atas talian yang melibatkan 2078 program bertauliah


”



Carta 3.6 : Bilangan Program Bertauliah Mengikut Tahap Penarafan

3.7 PEMBANGUNAN SOALAN LATIHAN KEMAHIRAN

Statistik Soalan Penilaian Akhir 2015



Carta 3.7: Statistik Bilangan Soalan Lulus Mengikut Tahap Bagi Tahun 2015

Jadual 3.7 : Statistik pembangunan soalan latihan kemahiran 2014

No.	NAMA NOSS	BIL. CU	TAHAP	BIL. SOALAN PENGETAHUAN	BIL. SOALAN PRESTASI
1	Penyeliaan Pengurusan Pejabat	4	3	150	10
2	Setiausaha Korporat Eksekutif	2	3	140	2
3	Perakaunan	4	3	241	7
4	Penyediaan & Pembuatan Makanan	3	2&3	210	12
5	Dandan Rambut	3	3	206	10
6	Operasi Perkhidmatan Pengagihan & Penggudangan	5	3	350	7
7	Operasi Sistem Komputer	1	3	69	4
8	Perkhidmatan Rangkaian Komputer	1	3	66	4
9	Jaminan Kualiti Industri (Pembuatan)	4	3	252	7
10	Operasi Pemesinan	5	3	288	6
11	Pembuatan Acuan & Dai	7	3	376	10
12	Operasi Pemesinan	3	2	210	12
13	Operasi Pengeluaran Plastik	5	3	294	6
14	Operasi Penyelenggaraan Industri	2	3	140	8
15	Penyeliaan Pemasangan & Penyelenggaraan HVAC	2	3	140	6
16	Aromaterapi	4	3	283	16
17	Urut Terapi	1	3	68	2
18	Perkhidmatan Terapi Estetik	8	3	510	15
19	Operasi Pembuatan Perabot	4	3	273	8
20	Pengeluaran Minyak Sawit	3	2	192	7
21	Penyeliaan & Operasi Penanaman Kelapa Sawit	6	3	419	14
22	Pembuatan Pakaian Wanita	1	2	0	1
23	Penyelenggaraan Jentera Tolak Tanah	10	3	706	15
24	Servis & Penyelenggaraan Motosikal	2	1	140	2
25	Servis & Penyelenggaraan Motosikal	2	3	140	2
26	Automotif-Servis Selepas Jualan	19	2	1217	35
27	Automotif-Servis Selepas Jualan	4	3	215	3
28	Pengetukan Panel Kenderaan	2	2	140	4
29	Pengetukan Panel Kenderaan	3	3	199	12
30	Pemasangan & Penyelenggaraan Sistem Gas Asil Kenderaan	1	3	70	2
31	Pengetukan Panel Kenderaan	3	3	165	2
Jumlah				7869	251

3.8 PROGRAM PEMERKASAAN PENTAULIAHAN DAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

3.8.1 Pentauliahan dan Persijilan melalui Pusat Bertauliah

Bagi memperkukuh dan memperkasakan lagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia, beberapa siri bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2015 seperti berikut:



Majlis Penyampaian Sijil Pentauliahan Induk MARA dan GIATMARA, 17 November 2015, Palace of the Golden Horses



Penganjuran Kursus Induksi Khas PP-PPD-PPB Dan PPL Kepada Personel Pentauliahan Induk MARA, 5 Julai-19 Ogos 2015



Bengkel Semakan Pemetaan Silibus MARA Berdasarkan SKPK Siri 4, 6-8 Sept 2015



Lawatan Penilaian Pentauliahan Induk Ke IKM Jasin dan Lumut, September 2015



Majlis Perasmian KD Pelandok Sebagai Pusat Bertauliah Di TLDM Lumut

3.8.2 Persijilan Melalui PPT



Majlis Penganugerahan SKM Tahap 3 melalui kaedah PPT, 13 November 2015, Busana MARA, Kuala Lumpur. Disempurnakan oleh Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil.



Majlis Penganugerahan SKM Tahap 1 hingga 3 melalui kaedah PPT secara penilaian khas bagi sub sektor Elektronik, 26 Jun 2015 di JVC Electronics (M) Sdn. Bhd. Shah Alam.



Majlis Penganugerahan SKM Tahap 3 melalui kaedah PPT bagi sub sektor Penjagaan OKU kepada 103 orang kakitangan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), 5 Disember 2015 di Kementerian Wilayah Persekutuan Putrajaya. Disempurnakan oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor selaku Yang Dipertua Bakti.



Majlis Penganugerahan SKM Tahap 2 dan 3 melalui kaedah PPT kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB), 22 Oktober 2015 di Malaysian Airlines Academy Petaling Jaya.



Taklimat perkongsian pengalaman Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), 5 Jun 2015 di Cyberview Resort & Spa.



Bengkel penyediaan dan verifikasi Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT) Pengajar-Pengajar Kolej Vokasional anjuran IPGKPT di PNB Ilham Resort, Port Dickson, 4hb hingga 6hb Oktober 2015.



APEC integrated referencing framework for skills recognition and mobility, 30 September 2015 – 1 Oktober 2015, Manila, Filipina.



Bengkel Semakan Panduan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah PPT, 19 hingga 21 Ogos 2015 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya.

Bengkel Semakan Permohonan Pentauliahan Induk MARA, GIATMARA dan BPTV, KPM

Tujuan :
Penyeragaman pelaksanaan SPKM

Agensi	Bilangan Program ditauliahkan	Bilangan Institut terlibat
MARA	88	12 Institut Kemahiran Mara (IKM)
GIATMARA	239	-
BPTV	402	15 Kolej Vokasional 80 Sek. Men. Keb. bagi program Pendidikan Asas Vokasiona (PAV) 4 sekolah komprehensif

Program Bimbingan Dan Penggalakan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Secara Persijilan Tahap Tunggal 2015

Tujuan :
Bimbingan kepada Pusat Bertauliah (PB) dalam pelaksanaan program latihan kemahiran secara Persijilan Tahap Tunggal di bawah SPKM

Bengkel Pemetaan Program Majlis Amanah Rakyat (MARA), Program Giatmara Sdn. Bhd. (GIATMARA) dan Program Bahagian Pendidikan Teknik & VokasionL (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (Kurikulum Standard Kolej Vokasional - KSKV) Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) Bagi Tujuan Penyeragaman Persijilan Kemahiran Malaysia

Tujuan :
Penyeragaman pelaksanaan SPKM

Bengkel Pemantapan Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran (PPPPK)

Tujuan :
pememantapkan kefahaman PPPPK serta mengemaskini dasar dan polisi Jabatan dalam pelaksanaan SPKM



Persijilan Ujian Tanpa Musnah (NDT)




122 sesi peperiksaan telah dijalankan di lima (5) pusat bertauliah (PB) NDT dengan pecahan seperti di Carta 3.8.

Seramai 1095 orang calon telah menduduki peperiksaan NDT dalam pelbagai kaedah seperti di Carta 3.9.

328 permohonan persijilan telah diterima dengan pengeluaran 278 SKM NDT seperti di Jadual 3.8.



Carta 3.8 : Bilangan Sesi Peperiksaan Sepanjang 2015



Carta 3.9 : Bilangan Calon Peperiksaan Mengikut Jenis Calon

Jadual 3.8 : Bilangan Permohonan Persijilan NDT Mengikut Kaedah Dan Tahap.

	Radiografi	Ultrasonik	Magnetik	Penembusan	Arus Pusing	Pentafsiran Radiografi	JUMLAH
Tahap 1	193	0	0	0	0	0	193
Tahap 2	37	13	0	7	1	4	62
Tahap 3	2	6	4	5	6	0	23



Witness Audit ISO 17024 oleh Jabatan



Witness Audit ISO 17024 oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM)



Taklimat Penyelarasan NOSS NDT RT kepada PB NDT



Kunjungan Kerja Ketua Pengarah JPK ke Jabatan Penerbangan Awam (DCA)



Mesyuarat Kerja Pemurnian & Terjemahan Soalan NDT



Mesyuarat Kerja Pemurnian & Terjemahan Soalan NDT



National Aerospace NDT Board (NANDTB)



Promosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ke Institut Pengajian Tinggi (IPT)

BAB

04




PERTANDINGAN KEMAHIRAN

4.1 WORLD SKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB) 2015

World Skills Malaysia Belia (WSMB) merupakan pertandingan kemahiran diperingkat kebangsaan. Ianya merupakan usahasama antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kerja Raya. WSMB diadakan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul. Pada tahun 2015, sebanyak 27 bidang kemahiran dipertandingkan diperingkat akhir melibatkan 6 lokasi pertandingan.



Carta 4.1 : Jumlah Pungutan Pingat WSMB 2015



Carta 4.2 : Pungutan Pingat Mengikut Agensi

Jadual 4.1 : Ringkasan Pencapaian Pingat WSMB 2015

Bidang	Anugerah	Bil	Agensi
Aircraft Maintenance	Emas	1	Malaysia Aviation Training Academy
	Perak	1	Malaysia Aviation Training Academy
	Gangsa	1	Malaysia Aviation Training Academy
	Sijil Kecemerlangan	8	
Automobile Technology	Emas	1	Institut Kemahiran Mara (IKM) Tan Sri Yahya Ahmad
	Perak	2	International College Of Automotive (Icam) Giatmara Kota Bharu
	Sijil Kecemerlangan	2	
	Sijil Penyertaan	1	
Beauty Therapy	Gangsa	1	Izuna Beauty Academy
	Sijil Penyertaan	5	-
Cabinetmaking	Perak	1	IKM Sg Petani
	Gangsa	1	IKM Tsya
	Sijil Kecemerlangan	6	KKTM Rembau
	Sijil Penyertaan	1	TTITC
CNC Turning	Gangsa	1	Adtec Batu Pahat
	Sijil Penyertaan	4	-
CNC Milling	Emas	1	ILP Kota Kinabalu
	Perak	1	Japan Malaysia Technical Institute (JMTI)
	Gangsa	1	ILP Ledang
	Sijil Kecemerlangan	4	-
	Sijil Penyertaan	1	-
Cooking	Emas	1	Institut Teknologi Perak
	Perak	1	KFCH International College Johor Bahru
	Gangsa	1	Imperia Academy Of Tourism Sdn Bhd
	Sijil Kecemerlangan	5	-
Electronics	Emas	1	Mara-Japan Industrial Institute
	Perak	1	Adtec Shah Alam
	Gangsa	1	Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI)
	Sijil Kecemerlangan	7	-
Fashion Technology	Emas	1	Politeknik Ibrahim Sultan
	Perak	1	Giatmara Titiwangsa
	Gangsa	1	Akademi Jahitan (Kemas) Gopeng
	Sijil Kecemerlangan	7	-
Graphic Design Technology	Emas	1	Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau
	Perak	1	Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau
	Gangsa	1	Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau
	Sijil Kecemerlangan	4	-
	Sijil Penyertaan	3	-

Bidang	Anugerah	Bil	Agensi
Hairdressing	Emas	1	Giatmara Gaya
	Perak	1	Giatmara Gaya
	Gangsa	1	Giatmara Petrajaya
	Sijil Kecemerlangan	5	-
IT Network Systems	Emas	1	ILP Ledang
Administration	Perak	1	ILP Ledang
	Gangsa	1	Politeknik Ungku Omar
	Sijil Kecemerlangan	4	-
IT Software Solution For Business	Perak	1	Giatmara Prima Tasek Gelugor
	Gangsa	1	ILP Mersing
	Sijil Kecemerlangan	3	-
Information Network Cabling	Sijil Penyertaan	2	-
	Emas	1	ILP Kepala Batas
	Perak	1	ILP Kepala Batas
	Gangsa	1	ILP Kepala Batas
Mechatronics	Sijil Kecemerlangan	4	-
	Sijil Penyertaan	1	-
	Perak	1	ILP Kepala Batas
	Gangsa	1	IKM Beseri
Restaurant Service	Sijil Kecemerlangan	2	-
	Sijil Penyertaan	2	-
	Emas	1	Kolej Komuniti Langkawi
	Perak	1	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Plastic Die Engineering	Gangsa	1	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
	Sijil Kecemerlangan	4	-
	Emas	1	KKTM Balik Pulau
	Gangsa	1	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara Sepang
Web Design	Sijil Penyertaan	4	-
	Sijil Kecemerlangan	1	-
Bricklaying	Sijil Penyertaan	5	-
	Emas	1	ILP Labuan
	Perak	1	IKM Alor Setar
	Gangsa	2	Giatmara Tanjong Piai & Giatmara Kota Tinggi
	Sijil Kecemerlangan	6	-
Decorating Painting	Sijil Penyertaan	2	-
	Emas	1	ABM Wilayah Selatan, Johor
	Perak	1	ABM Wilayah Selatan, Johor
	Gangsa	1	ABM Wilayah Selatan, Johor
Electrical Installation	Sijil Kecemerlangan	3	-
	Sijil Penyertaan	4	-
	Emas	1	Giatmara Arau
	Perak	1	Giatmara Taiping
	Gangsa	1	Giatmara Arau
	Sijil Kecemerlangan	12	-

Bidang	Anugerah	Bil	Agensi
Joinery	Emas	1	ILP Kuala Terengganu
	Perak	1	ILP Kuala Terengganu
	Gangsa	1	ILP Kuala Terengganu
	Sijil Kecemerlangan	6	-
Mechanical Eng. Design	Sijil Kecemerlangan	5	-
	Sijil Penyertaan	5	-
Plumbing & Heating	Emas	1	ILP Labuan
	Perak	1	ILP Kuala Terengganu
	Gangsa	1	ILP Labuan
	Sijil Kecemerlangan	2	-
Refrigeration & Air Conditioning	Sijil Penyertaan	2	-
	Emas	1	ILP Jitra
	Perak	1	Giatmara Putatan
Wall & Floor Tiling	Gangsa	1	Giatmara Kimanis
	Sijil Kecemerlangan	5	-
	Sijil Penyertaan	2	-
	Emas	1	Akademi Binaan Malaysia Sabah
Welding	Perak	1	Giatmara Setiu
	Gangsa	1	Akademi Binaan Malaysia Sabah
	Sijil Kecemerlangan	2	-
	Sijil Penyertaan	4	-
	Emas	1	Giatmara Padang Serai
	Perak	1	ILP Ledang
	Gangsa	1	Adtec Shah Alam
	Sijil Kecemerlangan	7	-



MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS
PERDANA MENTERI 2015
20 OKTOBER 2015
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)

DISEMPURNAKAN OLEH

YAB DATO' SRI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA.



Pemenang

ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI 2015:
MOHAMMAD TARMIZI BIN ABU HASSAN
DARI ILP KEPALA BATAS DALAM
BIDANG INFORMATION NETWORK CABLING.



4.2 WORLD SKILLS COMPETITION (WSC) 2015

Malaysia telah menyertai WSC yang diadakan di Anhembi Park, Soa Paulo, Brazil dari 11 hingga 16 Ogos 2015 yang diketuai oleh YB Dato' Seri Hj Ismail bin Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Malaysia menyertai 19 bidang kemahiran di WSC 2015 daripada 46 bidang kemahiran yang dipertandingkan dan 4 bidang demo.


12 bidang kemahiran diurusetikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

01	Mechatronics	07	Automobile Technology
02	IT Software Solution For Business	08	Cooking
03	Aircraft Maintenance	09	IT Network System Administration
04	Cabinetmaking	10	Plastic Die Engineering
05	Hairdressing	11	Electronics
06	Beauty Therapy	12	Fashion Technology

7 bidang kemahiran diurusetikan oleh Kementerian Kerja Raya

01	Welding
